

ABSTRAK

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) digubal pada tahun 1971. AUKU diwujudkan berdasarkan beberapa faktor seperti isu Peristiwa 13 Mei 1969, Universiti Merdeka (1968), Dasar Ekonomi Baru (1970), Dasar Pelajaran Kebangsaan (1970) dan isu antarabangsa seperti masalah Palestin (1973). Paling menarik ialah fenomena yang menyaksikan penglibatan pelajar universiti dalam kempen politik menjelang Pilihanraya Umum 1969. Semua ini menuntut perhatian dan kepekaan tinggi dari kerajaan melalui penggubalan AUKU sebagai garis panduan ke arah membimbing dan menyelaras kehidupan pelajar-pelajar institusi tinggi di negara ini.

Kajian ini adalah mengenai persepsi dan pendapat masyarakat tempatan terhadap penguatkuasaan AUKU. Tumpuan kajian ini ialah ingin mengetahui pendapat ahli-ahli politik daripada parti UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu), pihak pentadbiran universiti, ahli akademik, bekas pemimpin pelajar dan penuntut-penuntut universiti. Kaedah '*de facto analysis*' digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini merupakan penilaian terhadap faktor-faktor penggubalan AUKU dan kesan-kesan dari pelaksanaannya. Hasil kajian mendapati responden berpecah kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada ahli-ahli politik kerajaan dan pihak pentadbiran universiti. Mereka menyokong kewujudan AUKU berdasarkan peranannya membimbing dan menyelaras aktiviti pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini. Manakala kumpulan kedua pula terdiri daripada ahli akademik, bekas pemimpin pelajar dan pelajar universiti. Kumpulan kedua ini mengharapkan kerajaan mengkaji semula beberapa peruntukan dalam AUKU terutama yang berkaitan larangan mengorganisasi perhimpunan atau sebagainya dan larangan mengeluarkan kenyataan tertentu.

Akhir sekali, satu perkara yang juga menarik ialah persepsi pelajar-pelajar universiti kelihatan masih keliru dalam memahami isu kepentingan dan kandungan AUKU secara lebih mendalam. Ini disebabkan pelajar-pelajar tidak diberikan penerangan mengenai kandungan AUKU dan kepentingannya dalam kehidupan pelajar di institusi pengajian tinggi di negara ini. Sikap terlalu menumpukan kepada pelajaran dan peperiksaan juga yang secara tidak langsung menghadkan masa mereka untuk melibatkan diri dalam sebarang organisasi atau aktiviti yang bersifat politik.